

09 JUL 1997

Pengajian Melayu

KERUSI PENGAJIAN MELAYU UNIVERSITI VICTORIA MULA FEBRUARI 1998

Oleh: Azman Hashim

WELLINGTON, 9 Julai (Bernama) -- Kerusi Pengajian Melayu di Victoria University of Wellington (VUW) di sini dijadual mula mengambil kumpulan pertama pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu Februari tahun depan.

Profesor Kerusi Pengajian Melayu (VUW), Prof Hood Salleh berkata, kumpulan pertama 15 pelajar pelbagai bangsa itu akan memulakan pengajian mereka dalam Bahasa Inggeris di Institut Pengajian Asia yang ditubuhkan khusus bagi tujuan itu dan diletakkan di bawah Fakulti Kemanusiaan dan Kemasyarakatan VUW.

Katanya, setakat ini VUW telah meluluskan kursus berjudol "Asia 202 : Alam dan Tamadun Melayu" yang akan diajar kepada penuntut tahun dua selepas mereka mendapat enam atau 12 kredit jam dalam bidang-bidang lain.

"Selepas itu kita akan susuli dengan kursus Bahasa Malaysia yang sedang saya rancang," katanya kepada Bernama selepas menghadiri pertemuan antara Menteri Penerangan Datuk Nohamed Rahmat dan para pelajar Malaysia yang menuntut di beberapa buah universiti di sini.

Mohamed, yang sedang melakukan lawatan rasmi lima hari ke New Zealand sejak Ahad lepas, tiba dari Auckland petang semalam bagi menyambung baki aturcara yang telah diatur.

Prof Hood, bekas Pengarah Bersekutu Institut Alam Sekitar dan Pembangunan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, kumpulan pertama lulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengajian Melayu VUW dijangka dikeluarkan dalam tempoh empat tahun daripada tarikh permulaan kursus.

Selain kumpulan pertama peringkat Ijazah Sarjana Muda, Kerusi Pengajian Melayu VUW juga sudah menerima permohonan tiga pelajar bagi kursus di peringkat sarjana dan seorang doktor falsafah (PhD), katanya.

"Setakat ini saya seorang sahaja tenaga pengajarnya tetapi saya sudah memohon untuk mendapatkan seorang lagi khusus untuk mengajar Bahasa Melayu," katanya dan menambah bahawa pengetahuan bahasa itu amat penting diperluaskan kepada penduduk berketurunan Melayu di Asia dan Pasifik selain yang telah digunakan oleh 250 juta penduduk dunia yang lain.

"Di samping itu, kita akan turut mengundang beberapa orang pengajar dari Malaysia terutama yang mampu memberi kursus berkaitan dengan Pengajian Melayu dalam tempoh yang singkat atau mengelolakan seminar atau menjadi karyawan tamu," katanya yang mula bertugas sebagai Profesor Kerusi Pengajian Melayu VUW pada Mac lepas.

Katanya, penubuhan kerusi itu yang ditaja Kerajaan Malaysia (40 peratus), Kerajaan New Zealand (30 peratus) serta beberapa syarikat Malaysia dan New Zealand (30 peratus) telah dijanjikan dana berjumlah kira-kira NZ\$2 juta (RM3.4 juta) untuk tempoh enam tahun yang akan datang.

Prof Hood, yang dilantik sebagai Profesor Kerusi Pengajian Melayu VUW bagi tempoh dua tahun berkata, kerusi itu merupakan yang kedua selepas Kerusi Pengajian Melayu di Universiti Leiden, Belanda.

Katanya, selain mengajar mengenai Alam dan Tamadun Melayu, kerusi itu juga akan memberi penekanan kepada pembangunan pesat Malaysia secara keseluruhan termasuk projek Koridor Raya Multimedia (MSC), kehebatan kepimpinan negara dan keupayaan masyarakat Melayu untuk menjadi antara "pelakon utama" di peringkat antarabangsa.

"Yang saya maksudkan masyarakat Melayu termasuk masyarakat lain yang ada di Malaysia seperti bumiputera di Sabah dan Sarawak.

"Kita akan menunjukkan bahawa masyarakat Melayu dan Tamadun Melayu dapat membentuk sistem nilai bercorak antarabangsa dan boleh bersaing dengan masyarakat dalam sistem yang lain di dunia ini," kata profesor berusia 54 tahun itu yang telah mengajar antropologi selama 26 tahun di UKM sebelum dilantik sebagai Profesor Kerusi Pengajian Melayu VUW.

Katanya, kerusi itu turut memberi tumpuan kepada usaha menghubungkan para penyelidik mengenai dunia Melayu yang banyak terdapat di rantau Asia dan Pasifik.

Dalam hal ini, Prof Hood berkata, beliau telah merancang untuk menganjurkan Persidangan Sedunia mengenai Alam Melayu di sini tahun depan bagi membolehkan para pengkaji dari Asia dan Pasifik yang terlibat aktif dalam Pengajian Melayu bertemu dan bertukar-tukar maklumat.

Katanya, Syarahan Tahunan Pengajian Melayu yang akan menampilkan tokoh-tokoh utama dari Australasia dan Malaysia juga merupakan antara agenda utama kerusi itu.

Terdahulu, Mohamed menasihati para pelajar Malaysia di seberang laut supaya kembali ke tanah air selepas mendapat ijazah untuk turut menyumbang kepada usaha kerajaan dalam menerokai industri berteknologi tinggi.

Katanya, ilmu dan kemahiran yang mereka perolehi amat diperlukan negara dalam usaha kerajaan mengurangkan pergantungan kepada tenaga asing terutama ketika membangunkan MSC.

"Marilah kita sama-sama mendokong wawasan negara yang telah dicetuskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Selagi kita tidak beralih kepada industri berteknologi tinggi, selagi itulah teknologi yang berintensifkan buruh akan terus memaksa kita bergantung kepada tenaga kerja asing," katanya.

Dari segi politik, beliau berharap para pelajar Malaysia di seberang laut tidak mudah terpengaruh dengan laporan media asing yang sering menggambarkan kononnya terdapat pergeseran antara Dr Mahathir dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Percayalah cakap saya bahawa kestabilan politik di negara kita terus kukuh manakala para pemimpin kita pula sentiasa bertungkus lumus dan seiringan dalam usaha memajukan negara," katanya. -- BERNAMA

AH RI